



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 14/10/2011 |

Yakin Lotus mampu pulih

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Sebarang keputusan Proton Holdings Bhd., (Proton) untuk menjual kepentingan Lotus Group kepada syarikat asing adalah terletak di tangan pihak pengurusan syarikat itu.

Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebagai penasihat beliau hanya boleh memberi pandangan tentang apa jua perancangan untuk kebaikan pengeluar kereta nasional itu tetapi kata putus terletak di tangan pengurusan.

"Terpulang kepada mereka (Proton) untuk menjual atau tidak namun apa yang saya ketahui buat masa sekarang pemilihan Proton ke atas Lotus Group masih kekal sebagaimana sedia ada dan saya tidak pasti tentang hasrat GENII Capital untuk memiliki saham di

dalam anak syarikat Proton itu,"

"Sebagaimana yang pernah saya katakan, Proton terbuka untuk sebarang perbincangan atau pemilikan walaupun bukan sekarang mungkin pada masa depan akan ada dan ia bergantung kepada pengurusan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapnama pada Persidangan Inovasi Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) 2011 di sini hari ini.

Proton dalam kenyataannya semalam menafikan laporan akhbar tentang penjualan saham di dalam Lotus Group kepada GENII Capital seperti mana yang dilaporkan baru-baru ini.

Pengeluar kereta nasional itu berkata, laporan akhbar tersebut adalah tidak betul dan bersifat

spekulasi semata-mata.

Malah Proton menegaskan hubungan Proton dan anak syarikat miliknya penuhnya itu adalah berjalan seperti biasa dengan tumpuan diberikan kepada Pelan Pemulihan Perniagaan Lotus sebagaimana yang dirancangkan.

Dr. Mahathir berkata, Lotus Group masih berupaya untuk menjadi sebuah nama yang gagah sebagaimana yang diketahui sebelum ini dan keyakinan Proton terhadap jenama itu masih kukuh.

Pengenalan beberapa model baharu dalam beberapa tahun akan datang dijangka memulihkan jenama tersebut.

"Lotus akan tetap menjadi milik Proton walaupun orang ramai kurang yakin dengan jenama itu sebelum ini tetapi saya tetap yakin ia akan kembali pulih," katanya.



MAHATHIR Mohamad menandatangani buku salah seorang peserta Persidangan Inovasi Pengilang-pengilang Malaysia 2011, Saraswathy Jayapalan selepas beliau menyampaikan ucapnama pada persidangan tersebut di Kuala Lumpur, semalam.